

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	2 August 2015

Dr Mahathir tak jangka timbul masalah dalam parti

11/8/2015

Putrajaya: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad tidak menjangka sebarang masalah akan timbul dalam UMNO selepas Timbalan Presiden parti, Tan Sri Muhyiddin Yassin digugurkan daripada Kabinet.

Beliau berkata, semua ahli dan pemimpin UMNO sangat komited kepada Presiden parti, Datuk Seri Njyib Razak.

"Saya tidak rasa (akan berlaku masalah dalam UMNO), mereka (ahli UMNO) komited terhadap faktor tertentu."

"Bagi saya, saya tak tahu apa dalam hati mereka, tetapi selang daripada mereka datang jumpa saya (sebelum ini) mengadu tentang itu, ini, tetapi sekarang mereka tidak datang lagi kepada saya," katanya

Bagi saya, saya tak tahu apa dalam hati mereka, tetapi setengah daripada mereka datang jumpa saya (sebelum ini) mengadu tentang itu, ini, tetapi sekarang mereka tidak datang lagi kepada saya"

**Dr Mahathir Mohamad,
Bekas Perdana Menteri**

pada sidang media selepas melancarkan buku *Mahathir bukan kawan saya* di sini semalam.

Pelancaran buku mengenai pengalaman bekas Menteri Penerangan, Tan Sri Zaidin Maidin ketika meryadi pemberita di Alor Setar, Kedah dan menjadi pendamai dalam krisis Dr Mahathir dan Tun Abdullah Ahmad Badawi itu turut dihadiri Penasihat Sosiobudaya kepada kerajaan, Tan Sri Dr Rais Yatim dan bekas Ketua Polis Negara, Tun Mohamed Haniff Omar.

Ditanya mengenai tindakan bahagian UMNO yang tidak mahu memanggil Timbalan Presiden UMNO merasmikan mesyuarat bahagian, Dr Mahathir berkata, mereka semua patuh kepada undang-undang dan tidak mahu menimbulkan masalah atau huru-hara.

Tak mahu timbul huru-hara

"Mereka tidak mahu timbul huru-hara dan mempengaruhi Gkiran manusia semua, maka mereka terpaksa tolak Muhyiddin," katanya

Dalam perkembangan lain, beliau menyarankan pegawai tinggi kerajaan dan tokoh politik yang sudah bersara untuk menulis buku mengenai pengalaman masing-masing supaya dapat dijadikan panduan oleh generasi kini dan akan datang.

"Daripada pemerhatian dan pengalaman saya selama ini didapati sudah ada kecenderungan di kalangan mereka untuk menulis biografi dan ini baik untuk rujukan orang lain.

"Saya percaya daripada pengalaman mereka ada sesuatu yang dapat dipelajari dan sebab itu penghasilan buku mengenai pengalaman seseorang sangat penting, kita kena haca buku-buku yang memaparkan pengalaman kerana kandungannya mungkin sesuai dan boleh digunakan untuk mendepani senario dunia yang kian mencabar," katanya.